

## **Najib patut letak jawatan selepas Ahmad Jauhari**

**Free Malaysia Today**

**27 March 2014**

**Oleh FMT Staff**

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak patut meletakkan jawatan selepas Ketua Pegawai Eksekutif MAS, Datuk Ahmad Jauhari Yahya berbuat demikian.

Blogger Shahbudin Husin berkata Ahmad Jauhari sudah menunjukkan sikap terpuji dan ketinggian moralnya demi memastikan masa depan MAS terus terjamin tetapi pimpinan negara juga seharusnya berbuat tindakan yang sama

“Dengan kesediaan mengorbankan jawatannya, Najib dapat menunjukkan kepada dunia bahawa beliau juga memikul tanggungjawab moral atas tragedi ini serta keinginannya untuk berkongsi kesedihan dengan ramai orang yang tidak henti-henti menangis sejak bermulanya peristiwa kehilangan pesawat ini diketahui,” tulisnya dalam posting blognya yang terbaru

[www.shahbudindotcom.blogspot.com](http://www.shahbudindotcom.blogspot.com)

Katanya lagi, tindakan meletakkan jawatan juga dapat mengangkat semula air muka Malaysia dan memulihkannya daripada persepsi buruk antarabangsa.

Ahmad Jauhari Yahya telah menunjukkan ketinggian moralnya sebagai pemimpin korporat dengan membayangkan akan meletakkan jawatannya apabila segala urusan berkaitan tragedi kehilangan pesawat MH370 yang dikesan hilang di selatan Lautan Hindi berakhir.

“Adakah saya akan akan meletakkan? Ini adalah keputusan peribadi yang akan dilakukan selepas ini apabila segala-galanya selesai,” demikian beliau dilaporkan berkata dalam sidang media semalam.

Ahmad Jauhari bukan saja menyifatkan tragedi MH370 ini membuatkan seluruh jiwanya luluh kerana mengakibatkan kehilangan 239 nyawa, menyebabkan tangisan ribuan anggota keluarga serta kesedihan berjuta yang lain di seluruh dunia, malah ketika Perdana Menteri, Najib Razak mengumumkan pesawat itu dikesan hilang di sebuah kawasan terpencil di Lautan Hindi dan tiada yang terselamat berdasarkan analisa satelit Immasat dan Bahagian Penyiasatan Nahas Udara United Kingdom, beliau memilih untuk tidak berada di atas pentas.

Tragedi ini membuatkan Ahmad Jauhari hilang segala kekuatan dan akhirnya ketika dipeluk oleh beberapa VIP lain, airmata jelas menggenangi kelopak matanya.

Sejak peristiwa kehilangan MH370 ini melanda pula, wajah sedihnya jelas dapat dilihat setiap hari ketika muncul dalam sidang akhbar.

Shahbudin yang juga bekas ahli jawatankuasa Umno Bahagian Wangsa Maju berpendapat Tindakan meletak jawatan atas sesuatu musibah adalah reaksi terpuji dan bermoral tinggi, bukan saja menandakan sikap pertanggungjawaban tetapi juga pernyataan ingin berkongsi kesedihan dengan waris-warisan mangsa. jawatan itu.

“Sebab itu, kenyataan CEO MAS mahu meletakkan jawatan di ketika yang sesuai nanti dan setelah segala-galanya selesai, adalah tindakan terpuji yang hanya mampu dilakukan oleh mereka yang berintergeriti tinggi,” puji beliau.

Beliau berkata dalam kes kehilangan pesawat MH370 ini, ia bukan saja merupakan bencana kepada MAS tetapi juga malapetaka kepada negara.

“Insiden ini bukan saja menyebabkan negara kita dikecam dalam menguruskan krisis dan menyalurkan maklumat sehingga dikritik oleh beberapa negara, media antarabangsa dan waris mangsa, malah turut berlakunya tunjuk perasaan di luar negara dan memungkinkkan hubungan diplomatik antara negara terjejas,” tegasnya lagi.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/27/najib-patut-letak-jawatan-selepas-ahmad-jauhari/>